

04 MAY 1996

Mahathir-Sabah

MAJLIS TERTINGGI TERIMA PENGGILIRAN KETUA MENTERI SABAH

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menerima keputusan penggiliran Ketua Menteri Sabah di kalangan tiga kaum utama dalam komponen Barisan Nasional (BN) yang memerintah negeri itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perkara-perkara lain berhubung penggiliran itu, termasuk tarikh perlantikan ketua menteri baru dan perletakan jawatan ketua menteri sekarang, akan ditentukan kemudian.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN, berkata demikian pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini.

Semalam, Datuk Salleh Said Keruak mengumumkan perletakan jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah selaras dengan keputusan BN menggilirkan jawatan itu seperti yang dijanjikan pada pilihan raya negeri 1994.

Beberapa jam selepas pengumumannya itu, Dr Mahathir berkata, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee akan dilantik sebagai ketua menteri yang baru secepat mungkin.

Ketika membuat pengumuman itu di Melaka, Dr Mahathir berkata, BN terpaksa berpegang kepada janji menggilirkan jawatan berkenaan selepas gagal mendapat kata sepakat di kalangan anggota komponennya di negeri itu supaya ia dibatalkan.

Hari ini, Perdana Menteri berkata, walaupun Salleh sudah meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri, beliau masih kekal sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno Sabah.

Katanya, BN akan melakukan sedikit sebanyak perubahan dalam kabinet negeri Sabah berikutan penggiliran itu tetapi masih belum memikirkannya secara mendalam.

Ketika ditanya sama ada kes mahkamah yang sedang dihadapi oleh Yong sekarang akan menghalang perlantikannya sebagai ketua menteri, Dr Mahathir berkata: "Kita perlu mengkaji implikasi kes mahkamah itu sebelum membuat keputusan".

Dr Mahathir berkata, kajian itu dijangka mengambil sedikit masa tetapi berharap ia tidak terlalu lama.

Yong sedang dibicarakan di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu atas tuduhan mengambil bahagian dalam perarakan haram di Sabah, semasa hari penamaan calon bagi pilihan raya umum 1990. -- BERNAMA

AH AKD